

# **PERUSAHAAN BIJIH TIMAH DI LUKUT DAN HUBUNGANNYA DENGAN SEJARAH KUALA LANGAT 1800 – 1860-AN**

Oleh : Mohamad Rodzi Abdul Razak  
Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

Artikel ini bertujuan membincangkan perkembangan perusahaan bijih timah di daerah Lukut dan kaitannya terhadap perkembangan daerah Kuala Langat sebelum campur tangan British di Selangor. Perbincangan tertumpu kepada pengaruh kepesatan industri bijih timah di Lukut dan implikasinya terhadap perkembangan Kuala Langat dalam aspek legitimisasi kuasa, konflik persempadanan dan kemasyuran Kuala Langat sebagai pusat pentadbiran serta laluan dan pusat perdagangan yang penting di Selangor khususnya selepas Sultan Abdul Samad menaiki takhta. Lukut merupakan kawasan perusahaan bijih timah yang utama di Selangor sejak awal abad ke-19. Di bawah kepimpinan dan pengaruh Raja Juma'at perusahaan tersebut semakin berkembang maju antara tahun 1840-an hingga tahun 1860-an. Kepesatan pembangunan Lukut dapat dikaitkan dengan Kuala Langat ekoran wujudnya sokongan Raja Juma'at. Sebagai pembesar Selangor paling berpengaruh ketika itu terhadap penabalan Sultan Abdul Samad sebagai Sultan Selangor pada tahun 1857. Pada abad ke-19, kuasa pentadbiran di Selangor terletak di tangan pembesar tempatan. Secara teori, pembesar-pembesar akan menyerahkan sebahagian cukai kepada Sultan sekurang-kuarangnya setahun sekali sebagai persembahan dan taat setia. Sebagai balasan, Sultan membenarkan autonomi wilayah kepada pembesar. Dalam hal ini, kebergantungan Sultan kepada pembesar dan pengaruh Lukut jelas ketara kerana Sultan Abdul Samad banyak bergantung kepada Raja Juma'at dalam mengukuhkan kelangsungan politik dan pemerintahan baginda. Perkembangan ini secara tidak langsung membolehkan Sultan Abdul Samad mengukuhkan kuasa Baginda dan sekaligus menyumbang kepada kemajuan Kuala Langat sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan kerajaan Selangor ketika itu.

Kata Kunci : Perusahaan bijih timah, legitimasi kuasa, Sultan Abdul Samad, Raja Juma'at.